

22 JUN 2002

Mahathir-Suasana

ORANG RAMAI TERGAMAM PENGUMUMAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Sorakan "tarik balik, tarik balik...No, No Sir...Hidup Mahathir" bergema secara spontan di dalam dan luar Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang tadi sebaik selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan peletakan jawatan sebagai Presiden Umno.

Dalam keadaan kecoh, ramai perwakilan dan pemerhati turut dilihat menitikkan air mata, baik di kalangan lelaki dan juga wanita.

Reaksi secara spontan itu tercetus selepas mereka dikejutkan oleh Dr Mahathir yang membuat pengumuman semasa mereka sedang asyik mengikuti ucapan penggulungan Dr Mahathir pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno.

Perdana Menteri dengan menahan sebak mengumumkan beliau juga turut meletakkan jawatan Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan semua jawatan dalam parti dan BN.

Suasana di pentas yang menempatkan anggota Majlis Tertinggi (MT) kecoh apabila anggota MT yang terkejut dan sedih dengan pengumuman itu mengerumuni Dr Mahathir dan memujuknya supaya menarik balik keputusannya.

Lagu Umno turut bergema di dalam dan luar dewan dinyanyikan anggota Umno.

Orang ramai di luar dewan yang mengikuti ucapan Dr Mahathir menerusi televisyen turut berteriak "Tarik balik pengumuman itu. Presiden tidak boleh letak jawatan."

Anggota Umno Bahagian Teluk Intan, Perak, Sallehuddin Kamaruddin sambil berjalan dengan menggoyang-goyangkan tangan, berteriak: "Dr Mahathir tidak boleh meletakkan jawatan" berulang kali.

"...orang Melayu memerlukan Dr Mahathir untuk terus memimpin Umno," katanya kepada pemberita.

Seorang lelaki kelihatan tidak bermaya kerana begitu terkejut dan terpaksa ditenangkan oleh rakan-rakannya.

"Dr Mahathir tidak boleh letak jawatan. How can you resign?" katanya terisak-isak.

Seorang lagi anggota Umno kelihatan menangis dan memeluk Pengerusi Lembaga Disiplin Umno Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen.

Beliau merayu supaya Tengku Ahmad masuk ke dalam dewan persidangan dan memujuk Dr Mahathir.

Keadaan bersesak-sesak berlaku terutamanya di hadapan pintu masuk utama Dewan Merdeka dengan para penyokong parti dengan penuh emosi menyanyikan lagu Umno dan "Inilah Barisan Kita" berulang-ulang kali.

Tetapi apabila mereka mendengar pengumuman oleh Pengerusi Umno Tun Sulaiman Ninam Shah bahawa Dr Mahathir akan terus memimpin Umno, suasana bertukar riuh dengan sorak gembira dan tepuk tangan disusuli nyanyian lagu Umno.

-- BERNAMA

HS HK ZS MOZ